

30hb May 2019

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan,

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian Utama Persijilan RSPO Bagi Genting Plantations Berhad - Ladang Sawit Genting Selama

Genting Plantations Berhad (RSPO Membership No: 1-0086-06-000-00) telah melantik BSI untuk melaksanakan penilaian utama persijilan RSPO untuk Ladang Sawit Genting Selama. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 1 ladang kelapa sawit yang diuruskan oleh Genting Plantations Berhad. Ladang sawit tersebut terletak di Serdang, Kedah, Malaysia.

BSI merancang untuk melakukan Roundtable Sustainable Palm Oil (RSPO) penilaian persijilan utama Ladang Sawit Genting Selama 22 - 23 Julai 2019. Penilaian utama akan diadakan menurut Interpretasi Nasional Malaysia RSPO P&C MYNI 2014. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian RSPO P&C. Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Ladang	Rujukan GPS	Kawasan Matang (Ha)	Kawasan Belum Matang (Ha)	Jumlah Kawasan Keseluruhan(Ha)	Anggaran Pengeluaran FFB (MT)
Genting Selama Estate	5.222173°N 100.656989°E	1661.44	120.20	1781.64	42700

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 80,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawaian BSI adalah sebuah Badan Piawaian Kebangsaan United Kingdom. BSI Group adalah pembekal pensijilan pihak ketiga yang bebas yang telah mempunyai akreditasi untuk persijilan RSPO melalui pejabat di Malaysia dan pejabat urusan di Indonesia, Singapura, Thailand dan Australia.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit penilaian utama di Ladang Genting Selama terdiri daripada: **Mohd Hafiz Mat Hussain** sebagai Ketua Juruaudit (Penilaian kriteria, Aspek undang-undang, HCV, Alam Sekitar, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran); **Ning Shing Hu** sebagai Juruaudit (Amalan Pertanian Terbaik di Ladang, Aspek Undang-Undang dan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja); **Muhamad Naquiddin Mazeli** (Keselamatan, Aspek Undang-undang dan sosial).

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan. Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alam sekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan

- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:
Alamat:
Email:
Nombor Telefon:
Nombor Faks:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pengurus Skim RSPO
Mr. Nicholas Cheong
BSI Services Malaysia Sdn Bhd
Unit 10-03, Level 10, Tower A
The Vertical Business Suites
Bangsar South, No. 8, Jalan
Kerinci
59200 Kuala Lumpur Malaysia
Fax : +603-2242 4218
Email :
Nicholas.Cheong@bsigroup.com

DAN/ATAU Auditee:

Gwendelynne Bulan Tanil
09800 Serdang, Kedah, Malaysia
Email Gwendelynne.tanil@genting.com

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....
Nicholas Cheong
Pengurus Skim RSPO